

21 SEP 2002

REAKSI-DRB HICOM

BELANJAWAN SASAR PENGUKUHAN PERDAGANGAN DOMESTIK, KATA DRB-HICOM

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Belanjawan 2003 adalah satu langkah positif ke arah memperkukuhkan kegiatan perniagaan dan perdagangan domestik, kata DRB-Hicom, hari ini.

DRB-Hicom mengalu-alukan pakej lengkap galakan bagi kegiatan-kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengeluaran komponen.

Galakan-galakan bagi syarikat-syarikat agar lebih cergas di luar negara juga kena pada masanya kerana ia akan meningkatkan keyakinan syarikat-syarikat Malaysia dari segi kewangan untuk meneroka pasaran global yang luas, demikian kata DRB-Hicom dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Belanjawan ini juga pastinya akan membolehkan Kumpulan DRB-Hicom memainkan peranan yang lebih cergas bagi menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi negara dan merancang segala kegiatannya dengan lebih berkeyakinan lagi, katanya.

Ini juga akan menjana pendapatan yang lebih kukuh.

Pelbagai galakan bagi sektor perniagaan, khususnya bagi sektor eksport, telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam pembentangan belanjawannya semalam.

Galakan-galakan itu bertujuan merangsang sektor swasta supaya sekali lagi menjadi peneraju dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Bertauliah Malaysia (MAICSA) juga sependapat dengan DRB-Hicom dan menganggap Belanjawan 2003 sebagai belanjawan yang berorientasikan perniagaan dan akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam negara.

Paling utama, MIACSA menyambut baik langkah membenarkan pemulangan bagi cukai perkhidmatan yang tidak dipungut bagi perkhidmatan profesional termasuk perkhidmatan kesetiausahaan korporat dalam kumpulan yang sama. --

BERNAMA

AKT SD KY ZK